

Mangsa banjir meningkat

1,026 orang di Pahang dipindah

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad
dan Rosli Abdul Jalil

bhnews@bharian.com.my

KUANTAN: Bilangan mangsa banjir yang dipindahkan di negeri ini meningkatkan kepada 1,026 orang daripada 267 keluarga.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang, berkata daerah Kuantan mencatat jumlah mangsa tertinggi iaitu 704 orang daripada 189 keluarga, manakala 322 daripada 78 keluarga di daerah Pekan.

Katanya, mangsa banjir di Kuantan kini ditempatkan di lima pusat pemindahan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan, SMK Gudang Rasau, Dewan Orang Ramai Sri Damai, Dewan Orang Ramai Panching dan Balai Raya Cherating.

"Di daerah Kuantan, 10 kampung terbabit dengan banjir adalah Kampung (Kg) Batu 6 Jalan Gambang, Kg Chendering, Kg Pandan 2, Lubuk Puyu, Kg Seri Damai, Kg Puyu, Kg Ah Thong, Kg Bukit Batu, Kg

Gudang Rasau dan Kg Bukit Palas.

"Di Pekan membabitkan Kg Cenderawasih, Sungai Miang dan mangsa ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Sinar Mutiara, Sungai Miang," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Di **KOTA BHARU** banjir gelombang ketiga melanda Kelantan, apabila 194 orang dari 41 keluarga di jajahan Kuala Krai dipindahkan ke tiga pusat pemindahan, semalam.

Jurucakap Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri, berkata mereka mula dipindahkan malam kelmarin, apabila kediaman mula dinaiki air membabitkan lima kampung iaitu Kampung Manik Urai

FAKTA NOMBOR

194
mangsa

Banjir di Kelantan dipindahkan



AMAR Azhari Nazri bersama Mohd Abu Zami (kanan), menyeberang titi untuk ke kawasan yang lebih tinggi di Kampung Gudang Rasau, Kuantan, semalam.

Lama; Kampung Lakloh; Kampung Lata Rek; Kampung Hamzah dan Kampung Gatal.

Katanya, kesemua mangsa banjir yang membabitkan 90 dewasa dan 104 kanak-kanak itu ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Manek Urai Lama; Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Laloh dan Sekolah Menengah Teknik (SMT), Kuala Krai.

"Sehingga jam 4 petang, paras air

sungai di jajahan berkenaan iaitu Sungai Galas di Dabong mencatat 37.79 meter melepasi paras amaran 35 meter; Sungai Lebir di Tualang, 34.99 meter melepasi paras amaran 31 meter.

"Sungai Kelantan di Kuala Krai pula mencatat 25.58 meter mengatasi paras bahaya 22.50 meter, Sungai Kelantan di Kusial, 16.18 meter, mengatasi paras bahaya 14 meter," katanya.